

Kunci penting jayakan projek

Keharmonian hubungan pihak istana, kerajaan negeri pastikan manfaat diterima penuh rakyat

Oleh Mahaizura Abd
Malik
mahaizura@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Kesepakatan dan kerjasama baik antara institusi diraja dan kepimpinan kerajaan menjadi kunci bagi memastikan visi mahupun aspirasi dalam membangunkan projek berimpak tinggi mampu direalisasikan.

Gambaran ini dapat diterjemahkan menerusi kerjasama erat antara Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari yang sehaluan dalam menjayakan projek pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA).

Timbalan Dekan, Penyelidikan, Inovasi dan Siswa-zah Fakulti Rekabentuk dan Senibina Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Ts Dr Mohd Zairul Mohd Noor berkata, kerjasama antara Tengku Amir Shah dan Amirudin bukan sekadar simbolik, sebaliknya masing-masing ada peranan penting dalam mencapai visi.

"Menteri Besar bertanggungjawab dalam menterjemahkan idea itu kepada tindakan, melaksanakan polisi dan memastikan apa dirancang berjalan lancar manakala Raja Muda Selangor pula membawa kestabilan, kebijaksanaan dan visi jangka panjang yang melangkaui kepentingan politik."

"Apabila mereka sehaluan, keputusan dapat dibuat dengan lebih cekap, keyakinan pelabur meningkat dan landskap politik menjadi lebih stabil serta berfokus," katanya.

Katanya, pem-



TENGKU Amir Shah wakili suara golongan muda selaras penggerak utama projek KSSA.



PROJEK berimpak tinggi berorientasikan rakyat.

bangunan KSSA menjadi peluang terbaik membuktikan kepemimpinan bersatu mampu membawa kemajuan bersama yang memberi impak positif kepada rakyat dan negeri.

"Apabila pemimpin bersatu, projek infrastruktur dapat dilaksanakan dengan lebih jelas, pantas dan berfokus dan banyak dapat dicapai bersama.

"Penyelarasan ini memberi mesej jelas, pema-

ngunan infrastruktur awam tanggungjawab bersama bukan alat kepentingan politik," katanya.

Sementara itu, Pakar Ekonomi Universiti Sains dan Teknologi Malaysia Profesor Emeritus Dr Barrjoyai Bardai berkata, kerjasama dan persefahaman antara Tengku Amir Shah dan pasukan diterajui Amirudin kunci penting dalam menjayakan projek ini dengan matlamat akhirnya me-

manfaat-

kan rakyat Selangor.

"Untuk menjayakan projek besar Selangor ini, sebuah jawatankuasa pemandu (steering committee) perlu secara aktif memantau pembinaan dan pelaksanaannya.

"Penting Tengku Amir Shah berada dalam jawatankuasa pemandu ini di samping Amirudin selain kepimpinan tertinggi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Selangor, Lembaran Prospek Sdn Bhd dan Malaysian Resources Corpora-

membuka peluang kepada Selangor terutama dalam aspek ekonomi kerana pelabur asing juga sentiasa mengikuti perkembangan pembinaan KSSA," katanya.

Bagi Prof Dr Novel Lyndon dari Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), visi sehaluan antara pemerintah taruh bukan sahaja dapat mempercepat proses membuat keputusan, malah meningkatkan akauntabiliti dan kepercayaan awam.

"Kerjasama Raja Muda Selangor dan Amirudin membolehkan sumber digerakkan dengan lebih cekap, dasar dilaksanakan dengan lebih lancar dan inisiatif kekal berpaksikan rakyat serta mampu.

"Ini dapat membantu menyelaraskan pelbagai rancangan ke arah matlamat bersama, sekali gus mengurangkan konflik dan memastikan hala tuju dasar konsisten," katanya.

Katanya, kemajuan projek ini perlu didedah kepada seluruh rakyat Selangor secara berkala supaya matlamat berorientasikan rakyat sepenuhnya dapat dicapai bagi membolehkan rakyat merasa kenikmatan hidup dan tinggal di Selangor.

"Di negara Barat misalnya, projek besar seperti ini ada platform umum di dinding kaca untuk membolehkan rakyat melihat perkembangan projek.

"Justeru, ia perlu memberi peluang orang ramai menyuarakan pandangan dan menyumbang idea dalam proses pembinaannya supaya buah fikiran baharu dapat diambil kira dan dipertimbangkan.

"Jika projek ini diuruskan dengan baik, ia akan



**"Sebuah
jawatankuasa
pemandu (steering
committee) perlu
secara aktif
memantau
pembinaan dan
pelaksanaannya"**

Barjoyai Bardai

tion Bhd (MRCB).

"Jawatankuasa ini perlu laporan progres, isu dan pencapaian pembinaan dan pelaksanaannya secara berkala kepada MBI dan Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor," katanya.

Katanya, kemajuan projek ini perlu didedah kepada seluruh rakyat Selangor secara berkala supaya matlamat berorientasikan rakyat sepenuhnya dapat dicapai bagi membolehkan rakyat merasa kenikmatan hidup dan tinggal di Selangor.

"Di negara Barat misalnya, projek besar seperti ini ada platform umum di dinding kaca untuk membolehkan rakyat melihat perkembangan projek.

"Justeru, ia perlu memberi peluang orang ramai menyuarakan pandangan dan menyumbang idea dalam proses pembinaannya supaya buah fikiran baharu dapat diambil kira dan dipertimbangkan.

"Ini contoh kepemimpinan bersatu, visi jelas dan keutamaan kepada kepentingan awam boleh tingkatkan standard pembangunan negara," katanya.